



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2019/03/21 (HQ)

BEKALAN ELEKTRIK DI SERI KEMBANGAN DAN EQUINE PARK PULIH 100 PERATUS

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengucapkan terima kasih atas kesabaran pengguna yang terkesan akibat gangguan bekalan elektrik berikutan kerosakan di Pencawang Masuk Utama (PMU) Serdang Raya yang dipulihkan sepenuhnya pada jam 2.22 petang, hari ini.

“Petugas kami bertungkus lumus memulihkan bekalan elektrik dengan selamat, secepat mungkin demi keselesaan pengguna. Kami memohon maaf atas kesulitan yang timbul. Kami juga menghargai kesabaran pengguna di sekitar Seri Kembangan dan Equine Park yang terlibat dengan gangguan bekalan ini,” kata Pengurus Besar Kanan, Distribution Network TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood.

Bekalan dipulihkan secara berperingkat seawal jam 5:00 petang semalam dengan 67 peratus pengguna mendapat bekalan daripada Grid Nasional. Manakala baki pengguna yang lain pula mendapat bekalan elektrik menggunakan set janakuasa bergerak, keseluruhannya berjumlah 170 unit.

“Kerosakan PMU Serdang Raya dikenalpasti daripada peralatan panel pembahagian 33kV. Kerja pemberian kerosakan di PMU tersebut dijangka siap esok,” katanya lagi.

Wan Nazmy turut memaklumkan bahawa pengguna yang mendapat bekalan menerusi set janakuasa bergerak akan mengalami gangguan sementara elektrik antara 15 sehingga 30 minit apabila bekalan ke premis mereka dihubungkan semula ke Grid Nasional.

Untuk maklumat lanjut, pengguna yang terlibat dinasihatkan untuk menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan TNB di talian TNB CareLine 15454 atau melalui Facebook TNB CareLine.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 19 Mac 2019, jam 4.00 petang

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my*